



LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN MUDA BAHAGIAN PENGURUSAN EMPANGAN DAN SUMBER AIR

KENYATAAN TAWARAN

Pelawaan ini adalah terbuka kepada firma perunding yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan di bawah kod bidang seperti di bawah untuk mengambil bahagian di dalam pelawaan berikut :-

| PEJABAT YANG MEMANGGIL TENDER | BUTIR-BUTIR PELAWAAN | KOD BIDANG | TAKLIMAT TENDER | TARIKH DITUTUP (12.00 TGH) | SYARAT UTAMA PELAWAAN |
|---|---|----------------------------|--|---|---|
| Bahagian Pengurusan Empangan & Sumber Air, Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) | <i>Consultancy Services For The Formal Safety Inspection For Pedu Dam, Muda Dam And Ahning Dam.</i> MADA(T)/BPESA/P/2/2023 | 330101 – Kejuruteraan Awam | Tarikh: 9 Oktober 2023 (Isnin) Jam: 9.00 pagi Berkumpul: Dewan Seri Padi, MRTC MADA, Jalan Langgar, Kedah Darul Aman (Diwajibkan) | Tarikh: 31 Oktober 2023 (Selasa) Jam: 12.00 tengahari | 1. Berdaftar dengan Kementerian Kewangan. 2. Tempoh pendaftaran dengan Kementerian Kewangan masih sah. |

1. Syarat-syarat, Arahan dan Maklumat lanjut mengenai pelawaan ini adalah dijelaskan di dalam Dokumen Pelawaan dan boleh didapati di **Bahagian Pengurusan Empangan Dan Sumber Air, Ibu Pejabat MADA, Ampang Jajar 05990 Alor Setar, Kedah Darul Aman bermula 9 Oktober 2023 (Isnin) sehingga 31 Oktober 2023 (Selasa)** pada waktu dan hari bekerja. Dokumen pelawaan adalah dijual dengan kadar RM50.00 bagi setiap satu (1) set kepada perunding atau wakil perunding yang membawa **Surat Wakil Kuasa**. Perunding yang ingin memperoleh Dokumen Pelawaan dikehendaki mengemukakan **Sijil Asal Pendaftaran Kementerian Kewangan Malaysia** untuk pemeriksaan dan satu (1) salinan perlu diserahkan kepada pihak MADA.
2. Bayaran untuk membeli Dokumen Pelawaan hendaklah dibuat dengan cara **Transaksi Akaun sahaja** atas Penama **Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA)**.
3. Cadangan Teknikal Dan Cadangan Kos hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat yang berasingan dan ditandakan dengan "Cadangan Teknikal" Dan "Cadangan Kos" di sebelah kiri setiap sampul surat berkenaan dan dimasukkan ke dalam satu (1) sampul surat utama berlakri dan di alamatkan kepada **Pengurus Besar MADA, Ibu Pejabat MADA, Ampang Jajar 05990 Alor Setar, Kedah Darul Aman**.
4. Cadangan Teknikal Dan Cadangan Kos tersebut hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Pelawaan Terbuka di **Bahagian Pengurusan Empangan Dan Sumber Air, Ibu Pejabat MADA, Ampang Jajar 05990 Alor Setar, Kedah Darul Aman tidak lewat daripada jam 12.00 tengahari pada 31 Oktober 2023 (Selasa)**. Dokumen Cadangan Teknikal Dan Cadangan Kos yang lewat diterima tidak akan dipertimbangkan.


5. Semua petender yang berhasrat untuk menyertai pelawaan ini adalah **DIWAJIBKAN** untuk menghadiri taklimat tender sebagai syarat mandatori yang akan diadakan pada **9 Oktober 2023 (Isnin) Jam: 9.00 Pagi** dan **berkumpul di Dewan Seri Padi, MRTC MADA, Jalan Langgar, Kedah Darul Aman**. Segala kos yang bersangkutan dengan urusan bagi menghadiri taklimat tersebut adalah tanggungan petender sepenuhnya.

Saya yang menjalankan amanah,



(Ir. AHMAD SUKRI BIN SAAD)

Pengarah,
Bahagian Pengurusan Empangan dan Sumber Air
Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA)
05990 Alor Setar,
KEDAH DARUL AMAN



CERTIFIED TO ISO 9001:2015
CERT. NO. : QMS 02122



CERTIFIED TO ISO 9001:2015
CERT. NO. : QMS 02122